

# KERAJAAN PERLU KUASALUAS

*"Pengisytiharan Yang  
di-Pertuan Agong adalah  
muktamad."*

**KUALA LUMPUR 9 April** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan seluruh rakyat bahawa kerajaan perlu diberi kuasa yang luas bagi membolehkannya mengambil sebarang tindakan yang difikirkan perlu untuk mengekalkan keselamatan dan ketenteraman negara.

Berucap membentangkan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan di Dewan Rakyat malam ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak mahu melihat terjadinya pertumpahan darah dan negara diancam oleh peristiwa-peristiwa sebenarnya, yang tidak dapat dielakkan jika tindakan berkesan tidak diambil secepat mungkin.

Beliau berkata, perisytiharan darurat adalah satu-satunya tindakan yang perlu diambil jika terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa, jika tindakan berkesan tidak diambil secepat mungkin, besar kemungkinan akan berlaku huruhara dalam negara yang akan melibatkan nyawa terkorban dan kehancuran harta benda orang-orang tidak berdosa.

"Maklumat-maklumat seperti ini tidak bijak dikemukakan di mahkamah atas sebab-sebab keselamatan, oleh itu adalah penting perisytiharan darurat ini tidak boleh dicabar di mahkamah dan adalah penting perisytiharan boleh dibuat sebelum terjadinya peristiwa sebenar," ujar beliau.

Timbalan Perdana Menteri mengulas pindaan-pindaan kepada Perkara 150 Perlembagaan yang antara lain memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat sebelum berlakunya peristiwa sebenar yang mengancam keselamatan dan ekonomi negara.

Pindaan itu juga menetapkan bahawa sebarang pengisytiharan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dipersoal atau dicabar di sebarang mahkamah atas sebarang alasan.

Ia juga bertujuan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan sebarang ordinan darurat dan ordinan itu hendaklah dianggap sah seperti juga Akta Parlimen sehingga ia dimansuhkan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, walaupun pada dasarnya pindaan-pindaan ini melibatkan banyak fasal, tetapi hanya bertujuan untuk mengadakan satu peruntukan berhubung dengan darurat dalam perlembagaan yang amat penting bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman negara.

"Dengan pindaan Perkara 150 ini, walaupun Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas di dalam perisytiharan darurat, tetapi saya penuh yakin Seri Paduka Baginda dan kerajaan akan menggunakan kuasa ini sebaik-bijaknya," tegas beliau.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa cadangan pindaan-pindaan kepada perlembagaan ini tidak sekali-kali dibuat dengan tergesa-gesa dan dengan sewenang-wenang sahaja.

mengisytiharkan ordinan semasa perisytiharan darurat, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kelemahan yang ada para Perkara 150 Perlembagaan adalah berpandukan kepada pendapat Privy Council semasa memutuskan kes Teh Cheng Poh.

Sebagaimana ahli-ahli yang berhormat sedia maklum, kata beliau, Teh Cheng Poh adalah seorang banduan yang dikenakan hukuman mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang merayu ke Privy Council.

Privy Council berpendapat bahawa apabila sahaja Parlimen dipanggil bersidang, ia dianggap masih bersidang sehingga masa Parlimen diberhenti atau dibubarkan.

"Oleh itu Yang di-Pertuan Agong tidak mempunyai kuasa membuat ordinan darurat sehingga Parlimen diberhentikan atau dibubarkan," kata beliau.

"Keadaan sedemikian akan menimbulkan kesulitan pada masa kerajaan perlu mengambil tindakan serta merta demi keselamatan negara," ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri telah menghuraikan satu persatu mengenai pindaan-pindaan tersebut yang meliputi berbagai perkara yang kesemuanya "bertujuan untuk memperkemas pentadbiran negara".

Ini termasuklah memberi kuasa kepada pegawai penjara dan menteri memberi remitan kepada pesalah yang berkelakuan baik, menyekat Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat dan

dibuat sebarang peruntukan di dalam undang-undang yang berkaitan dengan tanah rizab Melayu bagi menyekat kepentingan atau hak pemegangnya yang tidak lagi layak memegang tanah rizab Melayu.

Pindaan ini akan juga membolehkan perampasan atau pemulangan balik kepada kerajaan negeri akan tanah-tanah rizab Melayu jika pemegangnya tidak lagi layak memegang tanah rizab tersebut.

Menurutnya, tujuan pindaan ini adalah bagi menyediakan langkah-langkah seterusnya yang sepatutnya diambil setelah pemilik-pemilik tanah rizab Melayu tidak lagi layak memilikinya.

"Cadangan ini adalah penting kerana ada syarikat-syarikat yang ditakrifkan sebagai Melayu bagi maksud undang-undang yang berkaitan dengan tanah rizab Melayu dan memiliki tanah rizab Melayu telah bertukar corak di mana sebahagian besar sahamnya telah dipindah milik kepada orang-orang bukan Melayu dan dengan yang demikian tidak lagi berhak memiliki tanah-tanah itu," ujar beliau.

Cadangan pindaan Fasal (3) Perkara 89 ini pula bermaksud supaya diisytiharkan dengan secepat mungkin sebarang tanah lain yang mempunyai karektor dan luas yang sama apabila sebarang tanah rizab Melayu dihentikan daripada menjadi tanah rizab Melayu.

"Ini akan menjamin bahawa keluasan tanah rizab Melayu akan kekal buat selama-lamanya bagi faedah dan kepen-

170  
lang kelayakannya di bawah Perkara 48.

Mereka yang ditahan itu akan terus ditahan sungguhpun mereka dipilih menjadi ahli Parlimen. Oleh itu mereka yang ditahan itu tidak dapat menghadiri persidangan Parlimen dan terpaksa memohon dan dibenarkan bercuti selama mereka di dalam tahanan.

Namun demikian, kata beliau ahli-ahli yang berhormat yang ditahan telah mengemukakan soalan-soalan di setiap persidangan Parlimen.

"Soalan-soalan itu sudah tentu boleh mengelirukan pengundi-pengundinya yang menyangka ahli Parlimen tersebut berada di Dewan mewakili mereka, Adalah difikirkan bahawa tidaklah sesuai bagi mereka yang tidak hadir mengambil bahagian di dalam urusan Parlimen. Oleh itu pindaan ini adalah perlu dibuat," katanya.

"Di samping itu, dengan pindaan ini akan dapat mencegah mana-mana ahli Parlimen yang berada di luar Malaysia dan yang bercuti daripada mengemukakan soalan-soalan di Dewan Rakyat," tambah beliau.

Larangan-larangan ke atas Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam daripada melibatkan diri dalam kegiatan perniagaan pula bertujuan untuk meninggikan lagi imej Parlimen dan suruhanjaya-suruhanjaya berkenaan.

Ia juga bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya pertent-

"Pindaan ini telah dikaji dengan teliti dan mendalam dan mengambil masa yang panjang, sama ada di peringkat pegawai atau di peringkat jemaah menteri. Ia adalah selaras dengan peredaran masa demi kepentingan dan keselamatan negara dan rakyat jelata," ujar beliau.

Mengenai kuasa Yang di-Pertuan Agong

Dewan Negara melibatkan diri dalam sebarang kegiatan perniagaan.

Ia juga menyentuh mengenai tanah rizab Melayu melarang ahli-ahli Parlimen yang tidak hadir dari mengambil bahagian dalam urusan Parlimen dan melarang ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Pilihanraya dari melibatkan diri dalam sebarang kegiatan perlembagaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, cadangan fasal baru (1A) Perlembagaan 89 adalah bertujuan untuk memelihara kepentingan tanah rizab Melayu dengan ertikata tanah tersebut harus dipegang oleh orang-orang Melayu sendiri sahaja buat selamanya.

Pindaan ini akan membolehkan sahnya

tingan orang Melayu," tambahnya.

Mengenai larangan ke atas ahli-ahli Parlimen yang bercuti pula, beliau berkata, seperti mana termaklum, semua warganegara, termasuk mereka yang ditahan atas sebab-sebab kepentingan dan keselamatan negara adalah berhak menjadi ahli Parlimen kecuali mereka itu hi-

tangan kepentingan atau "conflict of interests".

Sekatan-sekatan ini, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, adalah sama dengan yang dikenakan ke atas ahli-ahli pentadbiran, termasuk para menteri, timbalan menteri dan setiausaha-setiausaha Parlimen yang tidak dibenarkan mengambil bahagian aktif dalam perniagaan.